

This contoh log keahlian consist of:

- Cover page;
- The content.

- *Reminder:
- Make sure all the content just write on the page of the RIGHT hand side ONLY and the left hand side should left blank.
 - All pictures/diagrams should be coloured.
 - This Contoh Log is just as a reference for all new scouts.



LENCANA KEAHLIAN

Nama	: LEE WENG FEI
No. Kad Pengenalan	: 9xxxxx-08-xxxx
Tarikh Lahir	: xx.xx.19xx
No. Kumpulan	: 02 KINTA
Alamat Rumah	: NO XX, TAMAN XXX, 3xxxx IPOH, PERAK.
No. Telefon	: 016-xxxxxxx
Tingkatan	: LSS3

<EMPTY>

Pengenalan Diri

Lencana : Keahlian

Nama : Lee Weng Fei

No. Kad Pengenalan : 9xxxxx-08-xxxx

Tarikh Lahir : xx.xx.19xx

**Alamat Kumpulan : Kumpulan Pengakap Ke-02 Kinta
 SMK St. Michael,
 Jalan S.P. Seenivasagam,
 30000 Ipoh, Perak.**

**Alamat Rumah : NO XX,
 Taman XXX,
 3xxxx Ipoh, Perak.**

Telefon : 016-xxxxxxx

Pengesahan Dan Tandatangan Pemimpin

Disahkan bahawa pengakap ini telah menjalankan semua ujian bagi lencana ini.

Keputusan Daerah

Lulus	Ditolak

Isi Kandungan

Bil.	Perkara
1.	Peraturan Pakaian Seragam
2.	Rukunegara
3.	Persetiaan Pengakap
4.	Undang-undang Pengakap
5.	Hormat dan Cogan Kata Pengakap
6.	Sejarah Pengakap Malaysia dan Dunia
7.	Simpulan


Biodata Penguji

Nama Penguji :


No. K.P. :

Jawatan :

Peraturan Pakaian Seragam



Cara Pemakaian(Lelaki)



Susunatur Lencana



Prinsip Rukun Negara

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

Kepercayaan kepada Tuhan,

Kesetiaan kepada raja dan negara,

Keluhuran perlembagaan, Kedaulatan undang-undang,

kesopanan dan kesusilaan.

Lambang Pengakap Malaysia Dan Dunia

Lambang Pengakap Malaysia

a) Terdapat 3 kelopak pada lambang yang membawa maksud "Persetiaan Pengakap" iaitu:- "taat kepada Tuhan, Raja dan Negara" , "Menolong orang setiap masa" , "menurut undang-undang Pengakap".

b) Di dalam kedua-kedua kelopak terdapat bintang pecah lima (berwarna hijau) menandakan undang-undang Pengakap yang sepuluh.

c) Ikatan hijau yang mengikat kelopak melambangkan "Persaudaraan Pengakap"

d) Bintang pecah 14 yang terdapat di tengah kelopak melambangkan "Kesemua negeri-negeri dalam Malaysia"


d) Bulan Sabit yang terdapat di bawah kelopak menandakan "Agama rasmi Negara iaitu Agama Islam".

e) Lingkaran Tali berwarna kuning melambangkan "Perpaduan Rakyat Malaysia dan Persaudaraan Pengakap Sedunia".

f) Warna kuning, hijau, merah yang terdapat pada lambang menandakan unit-unit pengakap.

kuning - "Pengakap Kanak-Kanak", hijau "Pengakap Muda", merah "Pengakap Remaja"

g) Warna kuning pada bulan sabit dan bintang juga melambangkan warna diraja bagi Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja.



Lambang Pengakap Dunia

a) Lambang Pengakap Dunia terletak di tengah lingkaran tali dengan hujungnya dimatikan dengan ikatan buku sila. Lingkaran tali membawa maksud 'persaudaraan Pengakap seluruh dunia.'

b) Lambang Pengakap di dalam lingkaran tali itu mempunyai tiga kelopak yang membawa maksud Persetiaan Pengakap.

c) Di dalam kelopak kiri dan kanan terdapat bintang pecah lima pecahan bintang itu, membawa maksud sepuluh Undang-Undang Pengakap.

d) Ketiga-tiga kelopak pula dicantum dengan satu ikatan tali. Ikatan itu membawa erti yang pengakap itu bersaudara dengan semua pengakap seluruh dunia.

e) Warna ungu pada lambang ialah warna Biro Pengakap Sedunia.

f) Warna putih membawa maksud keucuhan dan kebersihan..



Persetiaan Pengakap Dan Undang-undang

Persetiaan Pengakap

Bahawa dengan sesungguhnya saya berjanji dan bersetia yang saya dengan seberapa daya upaya saya akan :

Taat kepada Tuhan, raja dan negara,

Menolong orang pada setiap masa,

Menurut undang-undang pengakap.

Undang-undang Pengakap

1. Pengakap adalah seorang yang sentiasa *dipercayai*, bermaruah dan mempunyai kehormatan diri. (**Dipercayai**)
2. Pengakap adalah seorang yang *taat* kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong serta raja-raja dan pemimpin-pemimpin pengakapnya, ibu bapanya, majikannya dan orang-orang di bawahnya. (**Taat**)
3. Pengakap adalah wajib menjadikan dirinya *berguna* dan menolong orang pada setiap masa. (**Berguna**)
4. Pengakap adalah sahabat kepada sekalian orang dan *saudara* kepada pengakap lain walau apa negeri, pangkat dan agamanya sekalipun. (**Bersaudara**)
5. Pengakap adalah seorang yang baik dan sempurna budi pekertinya dan sentiasa *berbudi*. (**Berbudi**)
6. Pengakap adalah baik dan *kasih kepada segala binatang*. (**Kasihkan Binatang**)
7. Pengakap adalah seorang yang sentiasa *menurut perintah* dan suruhan ibu bapanya, ketua patrol atau pemimpin-pemimpin pengakap tanpa apa-apa soalan. (**Menurut Perintah**)
8. Pengakap adalah seorang yang *sentiasa sabar* dan manis air mukanya walau dalam masa kesusahan. (**Tabah Hati**)
9. Pengakap adalah seorang yang *berjimat* dan bercermat. (**Berjimat**)
10. Pengakap adalah bersih dan *suci fikirannya, perkataannya dan perbuatannya*. (**Suci Fikiran, Perkataan dan Perbuatan**)

Hormat dan Cogan Kata Pengakap

Hormat Pengakap

- diberikan semasa :

- a) berjumpa dengan pemimpin pengakap dan pegawai-pegawai kenamaan.
- b) Menerima anuerah, sijil atau hadiah
- c) Istiadat menaik dan menurunkan bendera.



pengakap atau orang

Cogan Kata Pengakap

Pengakap Kanak-kanak : Buat Sehabis Baik (Do The Very Best)

Pengakap Muda : Selalu Sedia (Be Prepared)

Pengakap Remaja : Pandang Luas (Look Wide)

Pengakap Kelana : Berkhidmat (Service)

Sejarah Pengakap Malaysia Dan Dunia

Sejarah Pengakap Malaysia

Pergerakan Pengakap di Malaysia bermula pada tahun 1910 di Singapura dimana pengasasnya adalah F.C Sands seorang peneroka British. Sebelum itu, beberapa percubaan telah dibuat di Pulau Pinang (1908) dan Selangor (1909) tetapi gagal. Bermula disini, Pergerakan Pengakap telah berkembang pesat dimana kesemua negeri di Tanah Melayu dan Borneo telah memiliki sekurang-kurangnya satu pasukan pengakap pada ketika itu. Berikut adalah senarai pengasas pergerakan pengakap di negeri-negeri Melayu dan Borneo.

1. F.C Sands di Singapura (1910)
2. H.R Cheesman di Pulau Pinang (1915) dan Johor (1928)
3. I.R Wheeler di Perak (1926)
4. E.C Hicks, A.G Stuart, R.P.S Walker dan C. Bloomfield di Kedah (1922)
5. R. Brunnston di Melaka (1925)
6. Bird dan Roger Smith di Negeri Sembilan (1925)
7. Ameen Akhbar di Selangor (1926)
8. A.J Cracle di Terengganu (1926)
9. Y.M Tengku Ahmad Temenggung di Kelantan (1927)
10. Perlis dibawah naungan Kedah (1931)
11. Rev Canon Thomas Cecil Alexander di Sabah (1913)
12. Sarawak (1915)

Persekutuan Budak Pengakap Tanah Melayu telah ditubuhkan selepas Perang Dunia Ke-2. Persekutuan Budak Pengakap Tanah Melayu telah menjadi ahli penuh Persidangan Pengakap Sedunia pada 1 September 1957. Persekutuan Budak Pengakap Tanah Melayu telah bertukar nama kepada Persekutuan Budak Pengakap Malaysia dimana dianggotai Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak pada tahun 1964. Pada tahun Ogos 1965, Singapura telah keluar daripada Persekutuan Budak Pengakap Malaysia sejajar dengan Singapura keluar dari gagasan Malaysia.

Sejarah Pengakap Dunia


Sejarah Pengakap Dunia bermula pada tahun 1907 di Pulau Brownsea, England. Pergerakan Pengakap bermula apabila satu perkhemahan untuk budak-budak lelaki di pulau berkenaan. Perkhemahan ini telah diilhamkan oleh Robert Stephenson Smith Baden Powell yang merupakan seorang Bekas Mejar Tentera British yang penuh pengalaman dari medan pertempuran. Secara tidak langsung, bermula sejarah pergerakan pengakap dunia. Dengan kejayaan menganjurkan perkhemahan untuk budak lelaki, beliau telah mencetuskan pelbagai idea dan pengalaman untuk budak-budak melalui penerbitan buku " Scouting For Boys " yang dikarang oleh beliau sendiri. Pergerakan Pengakap telah tersebar luas melalui peneroka dan pedagang British. Tanpa diduga, pergerakan pengakap telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada negara-negara Eropah, Asia dan Amerika dalam masa beberapa tahun sahaja ia ditubuhkan. Beliau telah mengelilingi dunia pada tahun 1912 untuk menemui beberapa pergerakan pengakap di seluruh dunia. Pada tahun 1920, Jambori Pengakap Dunia yang pertama telah diadakan di Olympia, London. Disinilah beliau telah dilantik sebagai Ketua Pengakap Dunia manakala kerajaan British menganugerahkan " Lord Baden Of Gillwell " kepada beliau. Banyak pingat kebesaran negara pengakap telah beliau perolehi diatas sumbangan beliau mewujudkan pergerakan pengakap. Pada tanggal 8 Januari 1941, beliau telah meninggal dunia di Paxtu, Kenya sebelum sempat menyambut ulangtahun ke 84.

Nama Penuh	: Robert Stephenson Smith Baden Powell
Nama Singkatan	: BP
Tarikh Lahir	: 22 Febuari 1857
Tempat Lahir	: London, England
Pendidikan Awal	: Charter House, London
Pekerjaan Bekas	: Mejar Tentera British
Nama Bapa	: Reverend H.G Baden Powell
Nama Isteri	: Lady Olive Baden Powell
Tarikh Meninggal Dunia	: 8 Januari 1941

Simpulan

1. Simpul Buka Sila (Reef Knot)


- mengikat kain pembalut luka dan menyambung tali yang sama besar saiznya.



**attach with real sample here.*

2. Simpul Bunga Geti (Sheet Bend)


- menyambung 2 utas tali yang sama besar dengan tali yang tidak sama besar.



**attach with real sample here.*

3. Simpul Manuk (Clove Hitch)


- mengikat tali pada tiang atau balak.
- memula & mematkan sesuatu ikatan.



**attach with real sample here.*

4. Simpul Tindih Kasih (Bowline)


- membuat tajul yang tidak boleh menjerut.
- digunakan semasa kerja-kerja menyelamatkan.



**attach with real sample here.*

5. Lilit Dua Simpul (round turn and two half hitches)


- mengikat hujung tali pada tiang, pokok, dll.
- mengikat hujung tali khemah.



**attach with real sample here.*

6. Lilit Pemati Biasa (Common Whipping)





- mematkan hujung tali



**attach with real sample here.*

Ikatan seraya (square lashing)


- untuk mengikat dua batang kayu / buluh yang bersilang secara tegak.




**attach with real sample here.*

Ikatan serong (*diagonal lashing*)


- untuk mengikat dua batang kayu / buluh yang bersilang secara serong.




(a)



(b)



(c)



(d)

**attach with real sample here.*